

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF**  
**[ JEMPOL ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [ JEMPOL ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan bagi menambah baik aspek kebajikan penjawat awam dan penjelasan berhubung cadangan memansuhkan skim pencen serta jaminan Kerajaan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah membuat sebarang keputusan berhubung cadangan pemansuhan skim pencen sedia ada. Kerajaan sedang melaksanakan kajian yang lebih mendalam bagi Skim Pencen Perkhidmatan Awam ini memandangkan wujud peningkatan yang signifikan ke atas perbelanjaan faedah persaraan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2006, perbelanjaan faedah persaraan adalah sebanyak RM5.86 bilion telah meningkat kepada RM23.87 bilion pada tahun 2018.

Faedah persaraan yang diperoleh oleh penjawat awam adalah dilindungi seperti mana yang ditetapkan di bawah:

- I. Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan iaitu perlindungan hak-hak pencen dan dikawal selia melalui Akta Pencen 1980 (Akta 227); dan
- II. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

Sehubungan dengan itu, anggota perkhidmatan awam yang telah sah dalam perkhidmatan dan mendapat taraf berpencen, akan terus kekal menerima faedah dan kemudahan skim pencen.